

**KEPUTUSAN JAWATANKUASA PERUNDING HUKUM SYARA' (FATWA)
NEGERI SELANGOR DARUL EHSAN MENGENAI
BUKU BERTAJUK TIANG UGAMA**

1. TAJUK PERSOALAN

Persoalan ini dikemukakan kepada Jawatankuasa Perunding Hukum Syara' (Fatwa) Negeri Selangor untuk mendapatkan penjelasan mengenai buku bertajuk "Tiang Agama".

2. LATAR BELAKANG

2.1 Bahagian Penyelidikan Jabatan agama Islam Selangor (JAIS) telah menerima buku ini dari orang awam yang tinggal di Shah Alam. Buku ini diletak di peti surat setiap penghuni rumah.

2.2 Berdasarkan kulit buku ini, ia diedarkan oleh Pusat Tarbiah. Mereka juga menyertakan alamat internet <http://www.Islam.org/pillar/html>, <http://www.Mohamad.net/greatest/html> dan email Shahadah 99 @hotmail.com.

2.3 Buku ini mengandungi 35 halaman dan terbahagi kepada beberapa tajuk seperti Pendahuluan, Syahadah, Tunjang Akidah, Abu Hurairah, Berbagai Bentuk Syahadah Dalam Hadis, Siapakah Abu Hurairah? , Abu Hurairah Lawan Allah, Lafaz Kalimah Yang Sebenarnya, Tidak Boleh Membezakan antara Allah dan Rasul, dan banyak lagi

3. ASAS PERTIMBANGAN

Antara percanggahan dan penyelewengan yang terdapat dalam buku ini:

3.1 Mempertikaikan dua kalimah Syahadah yang dilafaz oleh pengikut Ahli sunnah wal Jamaah.

Muka surat 2-perenggan 5:

“tetapi yang sebenarnya syahadah kaum Sunnah ini melanggar ajaran Allah dan Rasulnya. Syahadah kaum Sunnah dikutuk kuat Allah dan Rasulullah”.

- 3.2 Mendakwa orang Islam yang berpegang dan mengucapkan dua Kalimah syahadah kafir.

Muka surat 3-perenggan 2:

“Syirik terjadi jika kita kaitkan atau sekutukan sesuatu dengan Allah. Misalnya meletakkan kalimah Muhammad sebelah kalimah Allah dalam rumah atau masjid-masjid”

- 3.3 Mendakwa pengikut Ahli sunnah Wal Jamaah mempertuhankan Nabi Muhammad.

Muka surat 11-perenggan 2:

“Begitu juga suku kaum Ahli Sunnah yang telah mempertuhankan Nabi Muhammad dengan meletakkan namanya dalam syahadah di sisi nama Allah”

- 3.4 Menghina Perawi Hadis dan Sahabat ulung Rasulullah iaitu Abu Hurairah

Muka surat 4-perenggan 3:

“syahadah suku kaum Ahli Sunnah Wal Jamaah ialah seorang misteri”.

3.5 Menyatakan sahabat Nabi seperti Umar dan Abu Bakar sebagai munafik.

Muka surat 12-perenggan 1:

“Mengikut Allah dan Rasulnya, syahadah Abu Hurairah sebenarnya adalah syahadah orang-orang munafik.

Beginilah maksud ayatnya:

Maksudnya: Diantara orang-orang Arab yang disekeliling mu itu ada orang-orang munafik, dan juga diantara penduduk Madinah. Mereka keterlaluan dalam kemunafikannya. Kamu (Muhammad) tidakmengetahui mereka. Nanti mereka akan kami seksa dua kali kemudian mereka akan dikembalikan kepada azab yang besar.(Surah 9:101).

Disisi Rasulullah diberitahu oleh Allah yang dia dikeliling orang-orang munafik. Allah mengatakan bahawa Rasulullah sendiri tidak kenal siapakah orang munafik ini. Apakah ianya termasuk Abu Hurairah, Abdul Rahman bin Auf, Muawiyah, Othman, Abu Bakar dsb.

3.6 Menolak selawat ke atas Nabi Muhammad s.a.w.

Muka surat 17 dan 18-perenggan 6:

Sebahagian ulama' merujuk surah 33:56 sebagai alasan untuk berselawat ke atas nabi.

أن الله وملئكته يصلون على النبي , يا أيها الذين آمنوا صلوا
عليه وسلموا تسليما

“Sesungguhnya Allah dan Malaikat-malaikatnya memberi sokongan (yusollu) ke atas nabi. Hai orang-orang yang beriman sokonglah (yusollu) ke atas nabi dan hormatilah sepertimana dia patut dihormati”

Ayat ini sedikitpun tidak ada kena mengena dengan selawat ataupun syahadah. Paling jauh sekali. Surah 33:56 menyeru kita supaya bersama nabi dalam perjuangannya. Para ulama' tidak peka bahawa 13 ayat terdahulu dari ini, pada surah 33:43 Allah telah berfirman dengan menggunakan kalimah yang sama (Yusalli) bukan sahaja untuk nabi bahkan untuk semua umat Islam.

- 3.7 Menolak sumber hukum seperti Hadis, Ijma' dan Qias serta pandangan Ulama'.

Muka surat 31-perenggan 2:

“SILA PERHATIKAN BAHAWA WARKAH INI TIDAK ADA SEBARANG TAFSIRAN, IJTIHAD, IJMAK, QIAS, JUMHUR, PERSEPAKATAN, MUZAKARAH dsb. Yang kita lakukan cuma menunjuk ayat-ayat Quran. Itu sahaja. Kami seru supaya selain dari terjemahannya, ayat-ayat ini dibaca dan dikaji dalam bahasa Arabnya.

Allah berfirman,

أَفَلَا يَتَدَبَّرُونَ الْقُرْآنَ وَلَوْ كَانَ مِنْ عِنْدِ غَيْرِ اللَّهِ لَوَجَدُوا فِيهِ اخْتِلَافًا كَثِيرًا

Maksudnya: “Tidakkah mereka , memerhatikan al-Quran? Sekiranya al-Quran itu datangya selain dari sisi Allah nescaya mereka perolehi didalmnya perselisihan yang banyak”. (surah 4:82)

Hampir keseluruhan kandungan buku ini tidak mempunyai hkum yang lain kerana mereka menganggap hanya Quran sahaja sebagai hujah dan sumber hukum.

3.8 Mentakwil ayat al-Quran dengan pandangan lain.

Muka surat 6- perenggan 2:

Di dalam al-Quran Allah berfirman:

وَأَلْفَ بَيْنَ قُلُوبِهِمْ لَوْ أَنْفَقْتَ مَا فِي الْأَرْضِ جَمِيعًا مَا أَلْفَتَ بَيْنَ قُلُوبِهِمْ وَلَكِنَّ اللَّهَ أَلْفَ بَيْنَهُمْ إِنَّهُ عَزِيزٌ حَكِيمٌ . يَا أَيُّهَا النَّبِيُّ حَسْبُكَ اللَّهُ وَمَنِ اتَّبَعَكَ مِنَ الْمُؤْمِنِينَ

Maksudnya: Dan (Allah) yang menyatukan hati mereka (sahabat). Walaupun kamu belanjakan semua kekayaan yang berada di bumi nescaya kamu tidak dapat menyatukan hati mereka (para sahabat) akan tetapi Allah telah menyatukan hati mereka. Sesungguhnya di amaha Perkasa lagi Maha Bijaksana. Ya Nabi cukuplah Allah dan orang-orang mukmin (para sahabat) yang mengikutimu. (Surah 8: 63-64)

Jadi para sahabat ialah orang mukmin yang jati. Mereka begitu akrab sesama sendiri. Allah berkata kalau Nabi belanjakan semua wang di atas muka bumi pun, nabi tidak terdaya untuk menyatukan hati para sahabat. Tetapi Allah telah menyatukan hati para sahabat dan menyemai kasih sayang diantara mereka.

Tetapi mengikut cerita karut Abu Hurairah pula dia ditumbuk dan dipijak kepalanya oleh Saidina Umar, bukan kerana mencuri atau membelot wang (cerita ini adalah dalam bab lain) tetapi kerana membawa syahadah, iaitu tunjang akidah suku kaum Ahli Sunnah Wal Jamaah.

4. **PERBINCANGAN DAN KEPUTUSAN**

Ahli Jawatankuasa Perunding Hukum Syara' (Fatwa) Negeri Selangor dalam persidangannya yang bertarikh 23 Ogos 1999 telah membincangkan perkara di atas dan keputusannya adalah seperti berikut:

“Bahawasanya Jawatankuasa Fatwa yang bersidang pada 23 Ogos 1999 sebulat suara bersetuju memutuskan bahawa buku bertajuk “Tiang Ugama” yang telah dikeluarkan oleh Pusat Dakwah, Kuala Lumpur adalah diharamkan kerana kandungan buku itu jelas bertentangan dengan prinsip akidah dan akhlak Islam”.